

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 JANUARI 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI rancak buat R&D bangunkan tenaga solar	Utusan Malaysia
2	Malaysia belum bersedia	Utusan Malaysia
3	Angkasa cerap asteroid 2004 BL86	Utusan Malaysia
4	Travel itinerary leak no worry for Tok Pa	The Star
5	ASM di peringkat akhir kajian sains mega fasa dua	Bernama.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGARI) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 28 JANUARI 2015 (RABU)



EWON EBIN (tengah) merasmikan bengkel 'Smart Village Initiative and Workshop on Energy for Off-Grid Villages' peringkat Asia Tenggara di Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, semalam.

MOSTI rancak buat R&D bangunkan tenaga solar

KOTA SAMARAHAN 27 Jan. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi giat melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi tenaga solar dalam usaha memastikan lebih banyak kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak menerima bekalan elektrik.

Menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, bagi tujuan itu, kementeriannya memperuntukkan RM200 juta setahun bagi menjalankan R&D terhadap sumber tenaga yang boleh diperbaharui itu.

Katanya, peruntukan menerusi geran khas itu penting bagi membolehkan penyelidikan dijalankan memandangkan masih banyak kawasan pedalaman di dua negeri berkenaan belum menerima bekalan elektrik.

"Kementerian sedang menilai

untuk memilih teknologi solar terbaik sama ada dari negara China, Amerika Syarikat atau Jerman untuk diaplikasikan di negara ini.

"Pelbagai usaha sedang giat dilakukan bagi merencanakan penggunaan teknologi solar namun dalam masa sama, kami juga mencari jalan penyelesaian untuk memperbaiki penyelenggaraan sistem itu yang telah dipasang sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan 'Smart Village Initiative and Workshop on Energy for Off-Grid Villages' peringkat Asia Tenggara di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali dan Penasihat Kanan

Smart Villages Cambridge Malaysian Education and Development Trust (CMEDT), Sir Brian Heap.

Sebelum ini, kata Ewon, terdapat beberapa kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak sudah dipasang dengan sistem solar tetapi penduduk merungut kerana teknologi itu memerlukan penyelenggaraan.

Mengenai bengkel berkenaan, beliau berkata, ini kali kedua program itu diadakan selepas yang pertama berlangsung di Afrika Selatan pada Jun tahun lalu.

Katanya, input dan maklumat penting menerusi beberapa siri bengkel yang diadakan di seluruh dunia akan dikumpul bagi mendapatkan gambaran sebenar sebelum tenaga lestari bagi kawasan yang belum mendapat bekalan elektrik dapat dibangunkan.

Bangunkan loji nuklear – Dr. Mahathir

Malaysia belum bersedia

Oleh ANGELINA SINYANG
pengarang@utusan.com.my

■ KUCHING 27 JAN.

MALAYSIA tidak memerlukan loji tenaga nuklear untuk mendapatkan sumber elektrik, sebaliknya perlu menerokai dan membangunkan tenaga yang boleh diperbaharui sebagai alternatif pada masa depan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, hal ini kerana pembangunan loji nuklear sebenarnya lebih banyak membawa mudarat daripada manfaat meskipun dikatakan mampu menjana sumber tenaga yang besar untuk sektor perindustrian negara.

Katanya, kerajaan perlu membangunkan tenaga boleh diperbaharui daripada sumber angin, solar, dan ombak sebagai alternatif kepada tenaga elektrik sedia ada.

“Lihatlah apa yang berlaku di Fukushima, Jepun sebelum ini, meskipun pelaksanaan loji nuklear itu dijalankan dengan rapi menggunakan teknologi tinggi, namun tetap menimbulkan masalah ke-



Pembangunan loji nuklear sebenarnya lebih banyak membawa mudarat daripada manfaat meskipun dikatakan mampu menjana sumber tenaga yang besar untuk sektor perindustrian negara.”

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
Bekas Perdana Menteri

pada rakyatnya apabila berlaku kebocoran.

“Peristiwa pada 2011 itu telah mengakibatkan pencemaran radiasi dan secara langsung telah menimbulkan kebimbangan masyarakat dunia berhubung risiko tenaga nuklear,” katanya semasa menyampaikan ucapan dalam Persidangan Tenaga Sedunia 2015 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK), di sini hari ini.

Persidangan itu dirasmikan oleh Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II negeri, Datuk Amar Awang Tengah Ali yang mewakili Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem.

Menurut Dr. Mahathir, ketika ini, masyarakat dunia sudah menyedari terdapat sumber tenaga alternatif yang boleh diperbaharui, selamat dan murah berbanding tenaga nuklear.

Justeru, ujarnya, kerajaan harus mempertimbang untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta melabur dalam tenaga yang boleh diperbaharui terutama tenaga solar atau elektrik selepas 2020.

Mengenai permohonan Sarawak agar kerajaan meningkatkan bayaran royalti minyak dan gas kepada negeri ini daripada lima peratus sekarang kepada 20 peratus, Dr. Mahathir memberitahu, semakan semula bayaran royalti itu pasti akan mempercepatkan rentak pembangunan di negeri ini.

“Kalau 20 peratus itu mungkin mustahil, namun jika enam peratus atau lebih mungkin suatu yang wajar dipertimbangkan,” ujarnya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGARI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 28 JANUARI 2015 (RABU)

Angkasa cerap Asteroid 2004 BL86

KUALA LUMPUR 27 Jan.

- Agensi Angkasa Negara (Angkasa) melalui Observatori Negara Langkawi (ONL) menjalankan pencerapan Asteroid 2004 BL86, hari ini.

Dalam satu kenyataannya, Angkasa berkata, Asteroid 2004 BL86 yang akan menghampiri bumi semula dalam tempoh 200 tahun ini telah ditemui oleh teleskop Lincoln Near-Earth Asteroid Research (Linear) di White Sands, New Mexico pada 30 Januari 2004.

"Para penyelidik di seluruh dunia menjangkakan, selepas kemunculan Asteroid 2004 BL86 pada tahun ini, tiada asteroid lain yang diketahui akan berada hampir dengan bumi sehingga tahun 2027.

"Orang ramai tidak perlu bimbang kerana ia tidak akan mendatangkan bahaya kepada bumi," kata Angkasa.

Travel itinerary leak no worry for Tok Pa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Mustapa Mohamed brushed aside worries about his security after hackers revealed his flight details on Twitter and threatened to release more information which they claimed to have taken from the national carrier's computer system.

The International Trade and Industry Minister did not appear to be a particular target, but was among the passengers whose names were on an itinerary that was leaked in the hacking of the Malaysia Airlines (MAS) website on Monday.

So far, I do not feel that my security is at any time threatened by the (leak).

— DATUK SERI MUSTAPA MOHAMED

"So far, I do not feel that my security is at any time threatened by the (leak). I leave it to the authorities to take the necessary action," he said.

The MAS website was hacked by a

group calling itself "Cyber Caliphate" which replaced the airline's website with a photo of a MAS Airbus A380, with the words "404 - Plane Not Found".

The hackers also posted on their Twitter account (@LizardMafia) an itinerary which included Mustapa's Jan 26 booking from Subang to Kota Baru on a Firefly flight.

MAS confirmed that their Domain Name System was temporarily compromised with users re-directed to a hacker website, but added that its web servers were intact.

The national airline has reported the matter to **CyberSecurity Malaysia** and the Transport Ministry and assured its customers and clients that their bookings and user data remained secured.

Yesterday, the hackers tweeted that they would reveal more information which they claimed to have obtained from their MAS hack.

"We're still organising the @MAS e-mail dump, stay tuned for that," read the Tweet posted at about 3.30pm yesterday which did not give any further details.



ASM Di Peringkat Akhir Kajian Sains Mega Fasa Dua

KOTA SAMARAHAN, 27 Jan (Bernama) -- [Akademi Sains Malaysia \(ASM\)](#) kini di peringkat akhir kajian sains mega fasa dua, [kata presidennya Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali](#).

Beliau berkata fasa dua membabitkan sektor seperti prasarana, perumahan, pengangkutan, elektrik dan elektronik dan alam sekitar.

"Hasil kajian itu akan dikemukakan kepada kerajaan dalam masa terdekat," katanya dalam ucapan pada pelancaran Inisiatif Kampung Bijak dan Bengkel mengenai Tenaga bagi Perkampungan Luar Grid di Asia Tenggara, di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini pada Selasa.

Beliau berkata hasil kajian fasa pertama melibatkan lima sektor - air, tenaga, kesihatan, pertanian dan kepelbagaian bio - telahpun dikemukakan kepada kerajaan.

Dr Ahmad Tajuddin berkata kajian itu penting bagi menyokong agenda ekonomi negara.

Beliau berkata kajian itu dikendalikan oleh kebanyakannya felo akademi itu, tetapi turut mendapatkan input daripada pakar luar.

"Akademi itu memainkan peranan penting dalam mendorong penyelidik Malaysia di peringkat global," katanya, dan menambah akademi itu bertindak sebagai pintu laluan bagi penyelidik Malaysia menyertai program antarabangsa.

Yang demikian, beliau menggalakkan para saintis, penyelidik dan jurutera dari Sarawak dan menjadi felo akademi itu bagi membolehkan mereka menyertai aktivitinya.

"Setakat ini seorang warga Sarawak berpangkalan di Sarawak adalah felo akademi itu dan terdapat beberapa orang dari Sabah," katanya.

Dr Ahmad Tajuddin berkata setiap tahun ASM menerima masuk 25 felo baru.

ASM mendorong dan menggalakkan pembangunan sains, kejuruteraan dan teknologi, dan menyediakan forum bagi saintis, jurutera dan pakar teknologi bertukar-tukar idea.

-- BERNAMA